

MEDIA STATEMENT

IDEAS urges RMK12 to focus more on private-led growth alongside government-led growth

Kuala Lumpur, 1 October 2021 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomes many aspects of the 12th Malaysia Plan, including its expansionary fiscal approach, its focus on people's well being and unity, as well as on advancing sustainability. However, the think tank also urged more focus on pushing for private-led growth alongside government-led growth, as well as more concerted efforts in promoting recovery.

With regards to education policies, IDEAS welcomes the new efforts to improve the quality of education for Orang Asli children. Plans to strengthen the quality and access to early childhood care and education (ECCE) are positive, a vital step towards improving basic literacy skills. IDEAS also welcomes the direction taken by adopting more semi-formal teaching and learning methods through the Bringing School to Community programme. However, there is a need to address the underlying issues of dropouts such as poverty, misalignment of curriculum to their culture and environment, and finally access to basic infrastructure.

IDEAS also welcomed the government's plans to safeguard the welfare of the rakyat and enhance social protection in the 12th Malaysia Plan, especially considering that it was recently announced that Malaysia's absolute poverty rate has risen by 8.4% to reach 20%, with some 580,000 households from the M40 group having dropped to the B40 group due to the COVID-19 pandemic.

As IDEAS CEO, Tricia Yeoh, noted, "With the economy shifting into recovery, efforts to rebuild the incomes of the B40 and M40 and reskilling and upskilling programmes to future proof the labour force must be the government's paramount focus in the next five years. Continuing efforts in streamlining Malaysia's social protection system, particularly its databases, is also welcomed as this would be crucial in strengthening the system to withstand future crises. However, while the focus on distribution is necessary especially in a post-pandemic scenario, IDEAS would have liked to see more focus on growth measures and strategies, which is also sorely needed in order to achieve the extremely ambitious targets of 4.5% - 5.5% GDP growth per annum as well as raising the average household income to RM10,000."

Yeoh commented, "When it comes to deeper institutional reforms, IDEAS welcomes the plan's focus on areas that the organisation has long called for, including measures to improve budget transparency, a public procurement law, and better governance over the appointment of GLC directors, which will be based on merit. We look forward to seeing how these, alongside the implementation of the National Anti-Corruption Plan, which was mentioned, will have clear targets and timelines."

IDEAS also welcomes the government's initiative to expand 'End-To-End' (E2E) online services across public agencies under various ministries and the private sector to ease interactions between the public, industries, and the government. We note that the Public Sector Digitalisation Strategic Plan 2021-2025 had outlined strategic visions to digitalise government services and implement them in a systematic and comprehensive approach to increase E2E services by at least 80% by end-2025. However, the think tank called on the government to be more ambitious in increasing the percentage of E2E services on government platforms. As of July 2021, the Federal Government E2E percentage is at 57.02%. State governments also need to also increase their E2E services.

The initiative to study the introduction of the Public Service Act is welcomed but a clear separation of power and responsibility between the government officials and policymakers is needed to prevent abuse of power and to make sure their roles do not overlap.

We also welcome the constitutional amendment to allow Malaysian citizens aged 18 years old to vote (UNDI18). On the topic of National Unity proposed in the plan, IDEAS welcomes the government's focus on encouraging more community-based leadership and youth volunteerism as well as their invitation to collaborate with CSOs on unity programmes and receive public inputs.

However, IDEAS notes that an important element that was missing from the Plan was the reintroduction of the Parliamentary Services Act. With regards to the introduction of the Malaysian Government Index to measure the performance of government public service delivery, IDEAS stated that it should also include State Governments' yearly performance analysis.

IDEAS also expresses concerns surrounding the government's assumption that digital space creates disharmony and the need to restrict/monitor social media with repressive laws, stating that freedom of expression should not be deemed a security threat. Furthermore, the government's unity agenda must also be discussed with larger grassroots stakeholders that offer better innovations, instead of using similar formulas from appointed experts. The government should also consider the issue of coordination between different ministries and bureaus.

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D

External Relations Director

zokhri@ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

IDEAS gesa RMK12 lebih fokus kepada pertumbuhan dipandu sektor swasta di samping pertumbuhan dipandu kerajaan

Kuala Lumpur, 1 Oktober 2021 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan banyak aspek dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), termasuk pendekatan pengembangan fiskal, penumpuan kepada kesejahteraan dan perpaduan rakyat, serta memajukan kelestarian. Namun, IDEAS juga menggesa agar lebih tumpuan diberikan terhadap pertumbuhan yang dipandu oleh sektor swasta di samping pertumbuhan dipandu oleh kerajaan, dan juga usaha bersepadu dalam mempromosi pemulihan.

Berkenaan dasar pelajaran, IDEAS menyambut baik usaha baharu untuk menambah baik kualiti pendidikan anak-anak Orang Asli. Perancangan untuk meningkatkan kualiti dan capaian kepada penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) adalah sesuatu yang positif, satu langkah penting ke arah meningkatkan kemahiran asas celik huruf. IDEAS juga mengalu-alukan arah yang diambil kerajaan dengan mengguna pakai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih separa formal menerusi program *Bringing School to Community*. Walaupun begitu, terdapat keperluan untuk menangani pelbagai isu yang mendasari masalah keciciran seperti kemiskinan, ketidaksejajaran kurikulum terhadap kebudayaan dan persekitaran mereka, dan akhir sekali capaian kepada prasarana asas.

IDEAS juga mengalu-alukan perancangan kerajaan untuk melindungi kebajikan rakyat dan meningkatkan perlindungan sosial dalam RMK12, terutamanya mengambil kira pengumuman terkini bahawa kadar kemiskinan mutlak Malaysia telah meningkat sebanyak 8.4% dan mencapai 20%. Kira-kira 580,000 isi rumah dalam kumpulan M40 telah jatuh ke dalam kumpulan B40 disebabkan wabak COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, menyebut, “Ketika ekonomi sedang memasuki fasa pemulihan, usaha untuk membina semula pendapatan kumpulan B40 dan M40 serta pelbagai program pemahiran semula dan peningkatan kemahiran supaya dapat memberi ketahanan kepada tenaga buruh pada masa hadapan harus menjadi fokus utama pihak kerajaan dalam tempoh lima tahun mendatang. Usaha untuk memperkemas sistem perlindungan sosial Malaysia, terutama pangkalan datanya, turut dialu-alukan kerana hal ini sesuatu yang penting dalam mengukuhkan sistem dalam menghadapi krisis pada masa akan datang. Namun, ketika fokus terhadap pengagihan diperlukan terutama dalam senario pasca wabak, IDEAS ingin melihat lebih fokus diberikan terhadap langkah dan strategi pertumbuhan. Hal ini turut diperlukan untuk mencapai sasaran bercita-cita tinggi sebanyak 4.5% - 5.5% pertumbuhan setiap tahun dan juga meningkatkan purata pendapatan isi rumah kepada RM10,000.”

Yeoh mengulas, “Apabila menyebut tentang pembaharuan institusi yang lebih mendalam, IDEAS mengalu-alukan rancangan untuk fokus kepada perkara yang telah lama kami seru, termasuk langkah untuk meningkatkan ketelusan belanjawan, undang-undang perolehan awam, serta tadbir urus pelantikan pengarah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang lebih baik dan berdasarkan kelayakan. Kami menanti untuk melihat perkara-perkara ini, bersama pelaksanaan Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP), untuk mempunyai sasaran dan garis masa yang jelas.”

IDEAS turut menyambut baik inisiatif kerajaan untuk memperluas perkhidmatan 'End-To-End' (E2E) dalam talian merentasi agensi awam di bawah pelbagai kementerian dan sektor swasta supaya dapat memudahkan interaksi antara masyarakat awam, industri, dan pihak kerajaan. Kami mengambil maklum bahawa Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 telah menggariskan visi strategik untuk mendigitalkan perkhidmatan kerajaan dan melaksanakannya menerusi satu pendekatan yang sistematik dan menyeluruh agar dapat meningkatkan perkhidmatan E2E sekurang-kurangnya sebanyak 80% menjelang hujung tahun 2025. Namun, kami menyeru pihak kerajaan untuk lebih bercita-cita tinggi dalam meningkatkan peratusan perkhidmatan E2E pada pelbagai platform kerajaan. Sehingga bulan Julai 2021, peratusan E2E kerajaan Persekutuan adalah 57.02%. Kerajaan-kerajaan negeri juga perlu meningkatkan perkhidmatan E2E mereka.

Inisiatif untuk mengkaji pengenalan Akta Perkhidmatan Awam diterima dengan baik tetapi pemisahan kuasa dan tanggungjawab yang jelas antara pegawai kerajaan dan penggubal dasar diperlukan agar dapat mencegah salah guna kuasa serta memastikan tiada pertindihan tugas dan peranan.

Kami turut mengalu-alukan pindaan Perlembagaan untuk membenarkan rakyat Malaysia berusia 18 tahun mengundi (UNDI18). Menyentuh mengenai Perpaduan Nasional yang disarankan di dalam RMK12, IDEAS menyambut baik fokus kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak kepimpinan berasaskan komuniti dan kesukarelawanan belia serta jemputan kepada mereka untuk bekerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dalam program-program perpaduan dan menerima pendapat awam.

Walaupun begitu, IDEAS juga cakna akan ketiadaan satu elemen penting dalam RMK12 iaitu pengenalan semula Akta Perkhidmatan Parlimen. IDEAS merasakan bahawa pengenalan Indeks Tadbir Urus Malaysia untuk mengukur prestasi pelaksanaan perkhidmatan awam perlu juga disertakan dengan analisis prestasi tahunan kerajaan negeri.

IDEAS juga menzahirkan kekhuatiran berkenaan andaian kerajaan bahawa ruang digital mewujudkan ketidakharmonian dan keperluan untuk menyekat/mengawasi media sosial menggunakan undang-undang yang menindas. IDEAS percaya bahawa kebebasan bersuara tidak seharusnya dianggap sebagai satu ancaman keselamatan. Malah, agenda perpaduan kerajaan perlu dibincangkan bersama pemegang taruh peringkat akar umbi yang lebih ramai yang menawarkan inovasi lebih baik, berbanding menggunakan rumusan yang sama daripada para pakar yang dilantik. Pihak kerajaan juga perlu mempertimbangkan isu koordinasi antara kementerian dan biro berbeza.

--- TAMAT ---

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:
Zokhri Idris, Ph.D
Pengarah Perhubungan Luar
zokhri@ideas.org.my